



27 Disember 2016
27 December 2016
P.U. (A) 369

WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

FEDERAL GOVERNMENT GAZETTE

PERINTAH CUKAI BARANG DAN PERKHIDMATAN (PELEPASAN) (PINDAAN) (NO. 2) 2016

GOODS AND SERVICES TAX (RELIEF) (AMENDMENT) (NO. 2) ORDER 2016



DISIARKAN OLEH/
PUBLISHED BY
JABATAN PEGUAM NEGARA/
ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS

AKTA CUKAI BARANG DAN PERKHIDMATAN 2014
PERINTAH CUKAI BARANG DAN PERKHIDMATAN (PELEPASAN)
(PINDAAN) (NO. 2) 2016

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 56 Akta Cukai Barang dan Perkhidmatan 2014 [*Akta 762*], Menteri membuat perintah yang berikut:

Nama dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Perintah ini bolehlah dinamakan **Perintah Cukai Barang dan Perkhidmatan (Pelepasan) (Pindaan) (No. 2) 2016**.

(2) Perintah ini mula berkuat kuasa pada 1 Januari 2017.

Pindaan perenggan 6

2. Perintah Cukai Barang dan Perkhidmatan (Pelepasan) 2014 [*P.U. (A) 273/2014*], yang disebut “Perintah ibu” dalam Perintah ini, dipinda dalam perenggan 6—

(a) dengan menomborkan semula perenggan yang sedia ada sebagai subperenggan (1); dan

(b) dengan memasukkan selepas subperenggan (1) yang dinomborkan semula subperenggan yang berikut:

“(2) Perenggan ini tidak terpakai bagi orang yang dinyatakan dalam ruang (2) butiran 3 Jadual Pertama.”.

Pindaan Jadual Pertama

3. Jadual Pertama kepada Perintah ibu dipinda—

(a) berhubung dengan butiran 5—

- (i) berhubung dengan perenggan (a) dalam ruang (2), dalam ruang (5), dengan menggantikan perenggan (b) dengan perenggan yang berikut:

“(b) The Head of Federal Territories religious department or such other officer nominated by him for Federal Territories Islamic religious schools”; dan

- (ii) berhubung dengan perenggan (d) dalam ruang (2), dengan menggantikan perkataan “[Act 562]” dengan perkataan “[Act 652]”;

- (b) dengan menggantikan butiran 7 dan butir-butir yang berhubungan dengannya dengan butiran dan butir-butir yang berikut:

(1) Item No.	(2) Person	(3) Goods	(4) Conditions	(5) Certificate to be signed by
“7.	Any person holding a valid Kad OKU issued under the Person With Disabilities Act 2008 [Act 685]	Goods used by persons with disabilities	(a) That the goods are acquired from a supplier specified by the Director General; (b) that the goods are approved by the Director General; (c) that the goods are used solely by the person with disabilities.	The Director General of Social Welfare Department or such other officer nominated by him”;

- (c) dengan memotong butiran 8;

- (d) berhubung dengan butiran 14, dalam ruang (4)—

- (i) dengan memasukkan selepas perenggan (a) perenggan yang berikut:

“(aa) that the goods are returned within six months from the date the goods were sent to the designated areas;”;

- (ii) dalam perenggan (e), dengan memotong perkataan “and” di hujung perenggan itu;

- (iii) dalam perenggan (f), dengan menggantikan noktah di hujung perenggan itu dengan perkataan “; and”; dan

- (iv) dengan memasukkan selepas perenggan (f) perenggan yang berikut:

“(g) that upon approval, the Director General may impose any other conditions or require security as he may deem fit.”;

- (e) berhubung dengan butiran 15, dalam ruang (4)—

- (i) dengan memasukkan selepas perenggan (b) perenggan yang berikut:

“(ba) that the goods are re-exported within six months from the date of import;”;

- (ii) dalam perenggan (c), dengan memotong perkataan “and” di hujung perenggan itu;

- (iii) dalam perenggan (d), dengan menggantikan noktah di hujung perenggan itu dengan perkataan “; and”; dan

- (iv) dengan memasukkan selepas perenggan *(d)* perenggan yang berikut:

“(e) that upon approval, the Director General may impose any other conditions or require security as he may deem fit.”;

(f) berhubung dengan butiran 19—

- (i) dalam ruang *(3)*, dengan menggantikan perkataan “and cylinders” dengan perkataan “, cylinders and other reusable packaging material”; dan

- (ii) dalam ruang *(4)*, dalam perenggan *(a)*, dengan memasukkan selepas perkataan “containers” perkataan “including bottles, drums, flexi-bags, cylinders and other reusable packaging material”;

(g) berhubung dengan butiran 20—

- (i) dalam ruang *(3)*, dengan menggantikan perkataan “and cylinders” dengan perkataan “, cylinders and other reusable packaging material”; dan

- (ii) dalam ruang *(4)*—

(A) berhubung dengan perenggan *(a)*, dengan menggantikan perkataan “pallets and containers” dengan perkataan “goods”; dan

(B) berhubung dengan perenggan *(b)*, dengan memotong perkataan “of the pallets and containers imported and exported”;